

**PRINSIP KELUASAN SYARTUL WAQIF DALAM MEMBANGUNKAN  
TANAH WAKAF KHAS  
(THE PRINCIPLE OF FLEXIBILITY SYARTUL WAQIF IN  
DEVELOPING SPECIFIC WAQF LAND)**

**Nor Amni Bazilah Binti Mohd Zain** (*Corresponding author*)  
*Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPS),  
02600, Kuala Perlis, Perlis, Malaysia  
Email: noramnibazilah@kuips.edu.my*

**Muaz Bin Mohd Ghani Basri**  
*Fakulti Al-Quran dan Sunnah, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPS),  
02600, Kuala Perlis, Perlis, Malaysia  
Email: muazghanisbasri@kuips.edu.my*

**Fuadah Johari**  
*Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),  
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia  
Email: fuadah@usim.edu.my*

*Article  
Progress:*

*Submission date:  
7 May 2023*

*Accepted date:  
17 May 2023*

**ABSTRACT**

*Waqf is an important instrument in the socio-economic institutions of Muslims today. In Malaysia, every matter related to waqf is under the State Islamic Religious Council (MAIN) as the sole trustee of waqf property. Waqf property is divided into two forms, namely general waqf and special waqf. Usually in a special waqf, the nazir waqf experiences limitations in developing the waqf property due to being bound by the conditions of the waqf (syartul waqif) Thus this study aims to study the concept of shartul waqif from the point of view of al-Quran, al-Sunnah and the opinions of jurists' and the law of developing special waqf property with development other than the original intention of the waqf. The methodology that has been used is library research by gathering data from books, articles, journals and theses related to waqif conditions. The result of the study is that there are three general principles of waqf conditions in developing a special waqf, namely the requirements determined by the government (qadhi), in line with Islamic Shari'a and aimed at maintaining waqf property for the benefit of the public*

**Keywords:** *flexibility, waqf, waqif conditions, specific waqf, waqf properties*

**PENDAHULUAN**

Wakaf merupakan salah satu institusi ekonomi yang penting bagi umat Islam. Dari sudut Bahasa, kalimah wakaf berasal dari perkataan arab 'waqafa' atau jamaknya 'awqaf' (Mu'jam Lughah

Arabiyyah Mu'asirah, 2008) yang bermaksud menahan atau menegah. Kalimah wakaf juga bererti *al-habs* iaitu menahan sesuatu harta yang boleh diambil manfaat daripadanya dengan dikekalkan fizikal ('ayn) dan memberikan manfaatnya kepada jalan kebaikan (Radd al-Muhtar 'ala Dar al-Mukhtar, 1992). Dari sudut istilah, kalimah wakaf bermaksud menahan sesuatu harta atau menyerahkan sesuatu harta untuk dimanfaatkan bagi tujuan kebaikan dengan niat untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dan menjanjikan ganjaran pahala berterusan buat si pewakaf. Wakaf merupakan satu ibadat yang disyariatkan demi menjaga kepentingan masyarakat Islam dan instrumen penting untuk memakmurkan masyarakat sejagat (Mek Wok Mahmud & Nor Amni Bazilah, 2019). Oleh itu, harta wakaf tidak boleh dilihat dari sudut kerohanian dan keagamaan sahaja, akan tetapi peranannya perlu diperkasakan lagi agar potensinya mampu menjana ekonomi, pembasmian kemiskinan, pembangunan penyelidikan, peningkatan taraf kesihatan dan sebagainya bagi kepentingan umat Islam.

Hukum mewakafkan harta adalah sunat kerana ia merupakan satu amal jariah yang ganjaran pahalanya akan berterusan walaupun si pewakaf tadi meninggal dunia. Wakaf juga mempunyai elemen *taqarrub* yang menjadikan seseorang itu dekat kepada Allah selain memperoleh ganjaran pahala dari-Nya (Nasrul Hisyam et.al., 2015). Dalil pensyariatan wakaf disebutkan di dalam al-Quran yang berbunyi:

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ ۗ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ

Maksudnya: *“Kamu tidak akan memperoleh kebajikan, sebelum kamu menginfakkan sebagian harta yang kamu cintai. Dan apa pun yang kamu infakkan, tentang hal itu sungguh, Allah Maha Mengetahui.”* (Surah Ali 'Imran 3:92).

Dalam satu hadis Nabi Muhammad SAW juga ada menyebut yang bermaksud:

*“Dari Abi Hurairah RA, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: Apabila seseorang anak Adam itu meninggal dunia, maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara: Sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dengannya dan anak soleh yang mendoakan untuknya”* (HR. Muslim).

Berdasarkan dalil pensyariatan berdasarkan al-Quran dan hadis, maka jelaslah bahawa wakaf merupakan satu ibadah yang sangat digalakkan dalam Islam dan ia sebagai satu wasilah untuk mendekatkan diri kepada Allah. Orang yang telah mewakafkan hartanya di jalan Allah terhalang untuk melakukan apa-apa transaksi ke atas harta tersebut, akan tetapi ia tidak menghilangkan hak milik pewakaf ke atas harta itu. Hak milik itu kekal dalam pemilikan

pewakaf, cuma pewakaf tidak boleh menggunakan harta tersebut selain dari niat asal pewakaf (Nasrul Hisyam Nor Muhamad et.al., 2018). Justeru itu, nazhir wakaf atau pemegang amanah yang bertanggungjawab untuk mengelola harta wakaf itu dengan niat asal pewakaf.

Wakaf mempunyai empat rukun asas, iaitu: orang yang mewakafkan harta (*waqif*), orang yang menerima wakaf (*mawquf 'alaih*), harta wakaf (*mawquf*) dan lafaz wakaf (*sighah*). Syarat pertama ialah orang yang mewakafkan harta (*waqif*). Asas bagi seorang pewakaf (*waqif*) yang hendak mewakafkan hartanya ialah seorang yang merdeka, berakal dan baligh, mempunyai pemilikan penuh ke atas harta wakaf dan tidak bankrupt, berwakaf secara sukarela dan bukan paksaan (Nor Asiah Mohamad, 2018). Syarat kedua ialah orang yang menerima wakaf. Kebiasaannya, dalam satu proses wakaf, *waqif* telah menspesifikasikan kepada siapa harta itu diwakafkan. Mereka terdiri daripada ahli keluarga si pewakaf atau masyarakat umumnya (Magda Ismail, 2014). Justeru itu, dari sinilah terbentuknya wakaf am dan wakaf khas. Syarat ketiga ialah harta wakaf (*mawquf*). Harta yang diwakafkan terdiri daripada dua bentuk, iaitu harta wakaf alih (*manqul*) dan harta wakaf tak alih (*'iqar*). Syarat keempat ialah lafaz wakaf (*sighah*). Sebahagian Fuqaha berpendapat bahawa wakaf terlaksana dengan lafaz yang jelas, seperti “*waqafu*”, atau “*habastu*” atau “*saya wakafkan*” atau apa-apa lafaz yang seerti dengannya (Nor Asiah Mohamad, 2018).

Seorang pewakaf mempunyai dua cara berwakaf, sama ada ingin mewakafkan hartanya dengan wakaf am atau wakaf khas. Jika seseorang itu ingin mewakafkan hartanya kepada semua golongan masyarakat, maka dia akan menggunakan lafaz wakaf am. Sebagai contoh: “*Saya mewakafkan tanah ini untuk kebajikan awan*”. Akan tetapi sekiranya seorang pewakaf ingin mewakafkan kepada golongan tertentu, maka dia akan menggunakan lafaz wakaf khas, dengan meletakkan beberapa spesifikasi pada lafaznya. Contohnya, “*saya mewakafkan tanah ini untuk pembinaan masjid bagi penduduk Kampung Padang Terang*”. Di sinilah timbulnya isu utama. Syarat yang dikenakan oleh pewakaf ini dikenali sebagai ‘*syartul waqif*’. Sekiranya *mutawalli* atau pemegang amanah dapat melaksanakan *syartul waqif*, maka ia tidak menimbulkan apa-apa masalah. Akan tetapi, antara persoalan yang diketengahkan oleh Asikin Razak (2022) ialah cabaran pada *syartul waqif* pada wakaf khas menyebabkan sesuatu wakaf itu tidak boleh dicairkan menggunakan kaedah *tawriq istibdaliyah*. Justeru itu, kajian ini akan mengkaji tentang prinsip fleksibiliti *syartul waqif* terutama bagi membangunkan harta wakaf khas seperti tanah wakaf dan sebagainya.

## DEFINISI SYARTUL WAQIF

*Al-Waqif* merupakan salah satu rukun di dalam rukun wakaf. *Al-Waqif* merujuk kepada orang yang menyerahkan hartanya untuk diwakafkan ke jalan Allah. *Syartul* pula berasal dari perkataan Bahasa Arab yang bermaksud syarat-syarat. Asas *syartul waqif* ini ialah satu pecahan kontrak daripada hukum-hukum yang berkaitan dengan muamalat (Muhamad Firdaus Ab Rahman et.al., 2019). Ia merupakan salah satu perkara asas dalam pelaksanaan wakaf. Definisi *syartul waqif* yang dikemukakan oleh Badran (1982) pula bermaksud apa-apa yang diputuskan oleh seseorang pewakaf terhadap harta wakafnya dengan rela hati tanpa paksaan. Ia juga termasuk dalam penjagaan dan pembahagian manfaat harta wakafnya. Menurut Ibn Taimiyyah (1995), *syartul waqif* merupakan satu prinsip asas yang muncul di dalam akad wakaf dan syaratnya itu akan dilaksanakan serta merta. (Asikin Razak, 2020). Jadi boleh disimpulkan bahawa definisi syarat pewakaf ialah apa-apa syarat yang dikenakan oleh pewakaf terhadap hartanya dengan rela hati.

Kebiasaannya syarat yang dikenakan oleh pewakaf berkait rapat dengan wakaf khas. Wakaf khas merujuk kepada wakaf yang manfaatnya didedikasikan untuk tujuan atau golongan tertentu (Himpunan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, 2008). Sebagai contoh, pewakaf melafazkan: “*Aku mewakafkan tanah ini untuk pembinaan masjid*” atau “*Aku mewakafkan tanah ini untuk membina sekolah bagi pelajar-pelajar di Madrasah*”. Syarat ini boleh dinyatakan sama ada dengan lisan, bertulis atau perbuatan dan ia perlu dilaksanakan selagi mana syaratnya tidak bertentangan dengan syarak. Ini berdasarkan prinsip kaedah *fiqhiyyah* “*شرط الواقف كنص الشارع*” yang bermaksud syarat yang diletakkan oleh pewakaf umpama nas agama. Menurut Ibn Abidin (1995) dan Ibn Nujaym (1562H), syarat-syarat yang dikenakan oleh pewakaf ini perlu dilaksanakan. Sekiranya tidak bertentangan dengan syarak, maka syarat itu perlu untuk dilaksanakan sebagaimana dengan tujuan asal harta itu diwakafkan. Keharusan ini juga berdasarkan ayat di dalam al-Quran:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ ۚ أُحِلَّتْ لَكُمْ بَهِيمَةُ الْأَنْعَامِ إِلَّا مَا يُتْلَى عَلَيْكُمْ غَيْرَ  
مُحَلِّي الصَّيْدِ وَأَنْتُمْ حُرْمٌ ۗ إِنَّ اللَّهَ يَحْكُمُ مَا يُرِيدُ

Maksudnya: “*Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian. Dihalalkan bagi kamu (memakan) binatang-binatang ternak (dan sebagainya), kecuali apa yang akan dibacakan (tentang haramnya) kepada kamu. (Halalnya binatang-binatang ternak dan sebagainya itu) tidak pula bererti kamu boleh menghalalkan perburuan ketika kamu dalam keadaan berihram. Sesungguhnya Allah menetapkan hukum apa yang Ia kehendaki.*” (Surah al-Ma'idah 5: 1)

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT memerintahkan secara umum untuk manusia menunaikan segala bentuk perjanjian tanpa mengkhususkan mana-mana perjanjian apabila sah

perjanjian tersebut. Salah satu bentuk perjanjian yang sah adalah syarat yang diletakkan oleh pewakaf selagi mana syarat tersebut tidak bertentangan dengan *Maqasid Syariah*. Perintah ini juga boleh difahami berdasarkan firman Allah SWT:

وَلَا تَقْرُبُوا مَالَ الْيَتِيمِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَشُدَّهُ وَأَوْفُوا بِالْعَهْدِ إِنَّ الْعَهْدَ  
كَانَ مَسْئُولًا

Maksudnya: “Dan janganlah kamu menghampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang baik (untuk mengawal dan mengembangkannya), sehingga ia baligh (dewasa, serta layak mengurus hartanya dengan sendiri); dan sempurnakanlah perjanjian (dengan Allah dan dengan manusia), sesungguhnya perjanjian itu akan ditanya.” (Surah al-Isra’ 17: 34)

Adapun keharusan meletakkan syarat dalam perjanjian wakaf adalah berdasarkan kisah jual beli yang berlaku antara Rasulullah SAW dan seorang sahabat yang bernama Jabir RA seperti hadis berikut:

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَتَلَّاحِقَ بِي  
وَتَحْتِي نَاضِحٌ لِي قَدْ أَعْيَا وَلَا يَكَاذُ يَسِيرٌ قَالَ فَقَالَ لِي مَا لِبَعِيرِكَ قَالَ قُلْتُ عَلَيْهِ قَالَ  
فَتَحَلَّفَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَزَجَرَهُ وَدَعَا لَهُ فَمَا زَالَ بَيْنَ يَدَيْ الْإِبِلِ  
قُدَّامَهَا يَسِيرٌ قَالَ فَقَالَ لِي كَيْفَ تَرَى بَعِيرِكَ قَالَ قُلْتُ بِخَيْرٍ قَدْ أَصَابَتْهُ بَرَكَتُكَ قَالَ  
أَفْتَبِيعُنِيهِ فَاسْتَحْيَيْتُ وَمَا يَكُنْ لَنَا نَاضِحٌ غَيْرُهُ قَالَ قُلْتُ نَعَمْ فَبِعْتُهُ إِيَّاهُ عَلَى أَنْ لِي  
فَقَارَ ظَهْرَهُ حَتَّىٰ أَبْلُغَ الْمَدِينَةَ

Maksudnya: “Jabir bin Abdullah berkata, “Dahulu kala ketika saya berperang bersama Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam, baginda menemui saya ketika saya sedang menunggang unta yang kelelahan dan hampir tidak dapat berjalan. Setelah itu baginda bertanya: “Kenapa dengan untamu wahai Jabir?” Saya menjawab, “Sedang sakit wahai Rasulullah.” Kemudian baginda undur ke belakang, lalu menyentuh dan mendoakan unta saya. Setelah itu unta saya kerap mendahului perjalanan. Nabi shallallahu ‘alaihi wasallam bertanya lagi: “Bagaimana kamu melihat untamu sekarang wahai Jabir?” saya menjawab, “Wah, sekarang untaku kuat dan sihat kembali. “Lalu baginda bertanya lagi: “Mahukah kamu menjual untamu kepadaku?” “Sebenarnya saya merasa malu mendengar tawaran Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam, sebab saya tidak memiliki kendaraan selain untaku ini, namun akhirnya saya menjawab, “Baiklah.” Namun saya menjual unta tersebut dengan syarat saya boleh menunggangnya sehingga sampai ke Madinah...” (HR. Muslim)

Kisah ini jelas menunjukkan bahawa Nabi SAW mengiktiraf syarat yang diletakkan oleh Jabir RA. Konsep meletakkan syarat pada akad wakaf adalah sah disisi syara' sebagaimana ianya sah dalam akad jual beli. Jika sah sesuatu syarat yang diletakkan oleh pewakaf, maka ianya kembali kepada hukum asas bagi menunaikan perjanjian.

Nabi SAW telah meletakkan garis panduan kepada umat agar mana-mana polisi, undang-undang bahkan syarat yang ingin dilaksanakan semasa berwakaf mestilah sejajar dengan teras agama dan tidak melanggar batas-batas syariah. Sabda Rasulullah SAW:

الصُّلْحُ جَائِزٌ بَيْنَ الْمُسْلِمِينَ إِلَّا صُلْحًا حَرَّمَ حَلَالًا أَوْ أَحَلَّ حَرَامًا وَالْمُسْلِمُونَ عَلَى شُرُوطِهِمْ إِلَّا شَرْطًا حَرَّمَ حَلَالًا أَوْ أَحَلَّ حَرَامًا

Maksudnya: “Perdamaian sesama muslimin itu harus kecuali perdamaian yang menghalalkan suatu yang haram atau mengharamkan suatu yang halal. Kaum Muslimin harus memenuhi syarat-syarat yang telah mereka sepakati kecuali syarat yang mengharamkan suatu yang halal atau menghalalkan suatu yang haram.” (HR. Bukhari)

Terdapat satu kaedah yang diletakkan oleh para sarjana Islam berbunyi: “Syarat yang diletakkan oleh pewakaf umpama nas agama”. Kaedah ini diterima pakai oleh majoriti ulama dalam menjelaskan kedudukan syarat yang diletakkan oleh para pewakaf. Majoriti berpandangan syarat tersebut wajib dituruti dan dilaksanakan sebagaimana yang dinyatakan pemilik harta. Ibn Taimiyyah dan Ibn Qayyim pula berpandangan kaedah ini bukanlah bermakna wajib dituruti dan dilaksanakan tetapi pemahaman dan penghujahan syarat tersebut seumpama nas agama pada keabsahannya. Jika syarat selari dan mendokong *maqasid syariah* maka pemahaman dan penghujahan bak nas agama.

#### ANALISIS KAJIAN LEPAS MENGENAI SYARTUL WAQIF

Bil	Penulis	Tajuk Artikel	Journal	Analisis Jurang Kajian (LR Gap Analysis)
1	Asikin Razak, (Jan 2022)	The Challenges Of <i>al-Tawriq Istibdaliah</i> Application: A Study Among <i>Waqf</i> Managers	Thesis USIM	Kajian ini mengenengahkan syartul <i>waqif</i> adalah satu cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan <i>al-Tawriq Istibdaliah</i> . Cabaran

				ini perlu dikaji lebih lanjut.
2	Abdulla Farooq Ibrahim, Luqman Haji Abdullah, Muhammad Ikhlas Rosele (2020)	قدسية شروط الواقف في ضوء النصوص والمقاصد The Sanctity of the <i>Waqif</i> Conditions in Light of Shariah Text and Objective	Online journal Research in Islamic Studies, Universiti Malaya (Vol.7, No.3: 75-86)	Kajian ini mengenengahkan asas <i>syartul waqif</i> berdasarkan imam empat mazhab. Topik ini perlu dibahasakan berasaskan dalil dari al-Quran dan Sunnah
3	Tiada	Himpunan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Berhubung Dengan Isu-isu Muamalat (Fatwa Kedua Puluh Tiga)	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia Kali Ke-80 (2008)	Kajian ini membincangkan hukum membangunkan tanah wakaf khas dengan membangunkan selain daripada niat asal pewakaf. Hukum ini perlu dianalisis berdasarkan prinsip yang terdapat di dalam kitab <i>turath</i>
4	Ab Rahman, M. F., Abdullah Thaidi, H., Azeemi, Ab Rahman, A., Ab Rahim, S. F. (2019)	شروط الواقف في دولة ماليزيا: دراسة تحليلية في ضوء مقاصد الوقف Right Of <i>Waqif</i> To Determine The Conditions Of Waqf In Malaysia: An Analytical Study In The Light Of	Journal of Fatwa Management and Research	Kajian ini memfokuskan hak-hak pewakaf untuk menentukan syarat-syarat wakaf di Malaysia. Kajian ini perlu dibahas berasaskan kajian semasa.

		Purposes Of <i>Waqf</i> (2019)		
5	Fuadah Johari, Hydzul kifli Haji Hashim, Nur Atika Atan (2019)	Pelaksanaan <i>Al-Tawriq</i> (Kaedah Kecairan) Ke Atas Tanah Komersial Wakaf: Kajian Kes Di Pulau Pinang	Proceedings International Conference On Zakat, Tax, Waqf And Economic Development 2019	Kajian ini membincangkan <i>tawriq</i> wakaf sebagai salah satu cara untuk mengembangkan aset-aset wakaf yang terbiar. Tajuk ini perlu dikembangkan lagi dalam skop <i>syartul waqif</i> bagi tujuan mengembangkan harta wakaf khas.

### KAEDAH PENYELIDIKAN

Kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif, iaitu menganalisa data-data yang dikumpulkan dari buku, kitab-kitab fiqh, jurnal dan tesis yang berkaitan. Ini sumber utama pengumpulan data *syartul waqif*. Selain itu, data-data juga dikumpulkan dari fatwa-fatwa yang berkaitan dengan wakaf khas terutama fatwa dari Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan 2008. Data tersebut diteliti dan ditapis bagi mengumpulkan maklumat yang diperlukan sahaja bagi kajian ini. Maklumat yang diperoleh dianalisis dan disimpulkan secara ringkas dalam hasil kajian.

### DAPATAN KAJIAN: PERBINCANGAN PRINSIP KELUASAN *SYARTUL WAQIF* DALAM MEMBANGUNKAN TANAH WAKAF KHAS

Prinsip asas dalam semua jenis wakaf sama ada wakaf am atau wakaf khas ialah sesuatu harta wakaf itu tidak boleh dijual beli, tidak boleh diserahkan kepada orang lain dan tidak boleh diwarisi oleh sesiapa. Oleh itu, sekiranya tiada usaha untuk memaksimumkan harta wakaf yang ada, maka harta itu akan terbiar dan ini akan menyebabkan manfaatnya tidak mengalir kepada penerima wakaf (benefisiari). Justeru itu, untuk memastikan manfaatnya mengalir, fuqaha mengharuskan pembangunan dilaksanakan ke atas harta wakaf dan hasil daripada pembangunan



itu boleh digunakan untuk tujuan wakaf. Pihak yang bertanggungjawab bagi membangunkan harta wakaf ini ialah *Nazir Wakaf* (Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, 2008)

Prinsip pertama bagi keluasan *syartul waqif* dalam membangunkan tanah wakaf khas ialah perlu mendapatkan kebenaran Qadhi atau pemerintah terlebih dahulu. Ini pendapat dari Abu Yusuf dan Muhammad bin al-Hassan asy-Syaibani (Ibn al-Humam, 2003). Sebagai contoh jika seseorang telah mewakafkan hartanya untuk membina sebuah masjid, maka diharuskan untuk menyewakan ruang halaman masjid kepada peniaga-peniaga untuk kepentingan masjid. Upah dari sewa tersebut perlu disalurkan kepada masjid atau fakir miskin.

Prinsip kedua dalam keluasan *syartul waqif* ialah syarat itu mestilah selari dengan syariat Islam. Sebagai contoh, jika terdapat sebuah pangsapuri yang dibangunkan untuk pelaburan dan kebaikan tanah wakaf, maka harus untuk menyewakannya bagi tujuan yang diharuskan syara'. Apabila memperoleh keuntungan dari sewaan tersebut, maka ia boleh digunakan untuk kebaikan masjid dan tanah wakaf. Justeru itu, tidak dibenarkan untuk menyewakan pangsapuri bagi tujuan yang ditegah syarak. Hal ini demi menjaga dan memelihara kemuliaan masjid serta tanah wakaf tersebut dari sumber wang yang haram untuk dibelanjakan (Dar Ifta' Misriyyah, 1993).

Prinsip ketiga dalam keluasan *syartul waqif* ialah ia bertujuan untuk mengekalkan harta wakaf tersebut untuk kemaslahatan awam. Dalam *Majma' Fiqh al-Islami* ada menyatakan bahawa harus untuk melaburkan hasil dari harta wakaf meskipun si pewakaf tidak mensyaratkan untuk melaburkan harta wakafnya. Hal ini kerana ia dapat memastikan niat dan tujuan si pewakaf dapat dikekalkan selama-lamanya dengan cara pelaburan hasil wakaf tersebut.

Antara prinsip lain ialah tidak boleh mengubah nama pewakaf dan tidak menghilangkan ain tersebut, serta hasil yang dapat itu digunakan untuk manfaat penyelenggaraan dan penambahbaikan harta wakaf tersebut. Ringkasnya, *syartul waqif* ini boleh diluaskan mengikut kemaslahatan, seperti dalam kajian kes penukaran wakaf khas tapak asrama pelajar-pelajar sekolah kepada wakaf khas untuk pendidikan yang berlaku di Mukim Kuala Ibai, Kuala Terengganu (Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu, 2001).

## KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa fuqaha' membenarkan sesuatu tanah wakaf dibangunkan dengan pembangunan selain niat asal pewakaf. Ini bermakna, *syartul waqif* boleh diluaskan berdasarkan tiga prinsip asas iaitu keperluan ditentukan oleh pemerintah

(*qadhi*), selari dengan syariat Islam dan bertujuan untuk mengekalkan harta wakaf untuk kemaslahatan masyarakat awam.

Dengan adanya keluasan *syartul waqif* ini, pihak *mutawalli* dan *nazir wakaf* akan dapat membangunkan lagi aset-aset tanah wakaf yang terbiar dengan pembangunan dan projek yang lebih memberi manfaat untuk masyarakat dan negara, seterusnya mencapai *maqasid syariah* dari pelaksanaan projek wakaf tersebut.

## RUJUKAN

Abdulla Farooq Ibrahim, Luqman Hj Abdullah, & Muhammad Ikhlas Rosele. (2020). *The Sanctity of the Waqif Conditions in Light of the Sharia Texts and Objectives*, Online Journal of Research in Islamic Studies 7(3): 75-86.

Asikin Razak. (2022). *The Challenges Of Al-Tawriq Istibdaliah Application: A Study Among Waqf Managers*, Thesis Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Farhana Mohamad Suhaimi & Azman Ab Rahman. (2018). *Wakaf Perumahan Dalam Pembangunan Ekonomi: Pelaksanaannya Menurut Maqasid Syariah*. Journal of Fatwa Management and Research & Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa 13

Fuadah Johari, Hydzulkifli Haji Hashim, Nur Atika Atan. (2019). *Pelaksanaan Al-Tawriq (Kaedah Kecairan) Ke Atas Tanah Komersial Wakaf: Kajian Kes Di Pulau Pinang*. Proceedings International Conference On Zakat, Tax, Waqf And Economic Development.

Fuadah Johari, Wan Abdul Fattah Bin Wan Ismail, Muhammad Aunurrochim Mas'ad, Hanim Misbah, Ahmad Syukran Baharuddin, Nurul Asikin Abdul Razak. (2018). *Penerokaan Konsep Al-Tawriq Dalam Pencairan Aset Wakaf*. Journal of Fatwa Management and Research | Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa

Hasyeilla Abd Mutalib & Selamah Maamor. (2018). *Investigating Issues and Challenges in Utilising Waqf Property*, International Journal of Engineering & Technology, 7 (4.19) 158-160.

- Himpunan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. (2008). *Berhubung dengan Isu-isu Muamalat. Hukum membangunkan tanah wakaf khas dengan membangunkan selain niat asal pewakaf*. 1-3 Februari 2008, Kuala Terengganu, Terengganu.
- Ibn al-Humam Hanafi. (2003). *Syarah Fathul Qadir 'ala al-Hidayah*, Bayrut: Dar al-Kutub 'Ilmiyyah.
- Magda Ismail. (2014). *Corporate Waqf From Principle to Practice (A New Innovation for Islamic Finance)*. T.T: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Mek Wok Mahmud & Nor Amni Bazilah. (2019). *Peranan Wanita Dalam Wakaf: Keperluan Dari Sudut Maqasid Syariah*, International Journal of Modern Trends in Business Research (IJMTBR) 2 (3). pp.12 - 30
- Muhamad Firdaus bin Ab Rahman, Hussein Azeemi bin Abdullah Saidi, Azman bin Ab Rahman, Siti Farahiyah Bt Ab Rahim. (2019). *Right of Waqif to Determine The Conditions of Waqf in Malaysia: An Analytical Study in the Light of Purposes of Waqf*, Journal of Fatwa Management and Research. (Edisi Khas) 16(2).
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad, Mohd Arafat Jaafar, Muhibbuddin Abdullah, Nurul Atikah Nizaludin, a Mohd Muslim Salleh, Mohd Muammar Mohd Zin. (2015). *Konsep Maqasid Syariah Dalam Pengurusan Wakaf*, UMRAN International Journal of Islamic and Civilizational Studies.
- Nor Amni Bazilah Bt Mohd Zain. (2020). *Investment and Borrowing of Waqf: An Analytical and Juristic Study*. Thesis International Islamic University Malaysia (IIUM).
- Nor Asiah Mohamad. (2018). *Waqf Law and Administration in Malaysia*. Malaysia: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Nur Afiqah Anuar, Nor Nadirah Akmar Mokhtar, Muhammad Azwan Sulaiman, Muhammad Nazim Alias, Nurul Nadiah Zainol. (2022). *Development of Waqf Land in Malaysia: a Current Review in State of Pulau Pinang*. Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED). 7 (46) pp. 285 - 292.

Syahnaz Sulaiman (2008). *Hukum Pembangunan Tanah Wakaf Khas Menurut Perspektif Syarak*, Journal Muamalat.